

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

AOP302 - Undang-Undang Perhubungan
Perusahaan Dan Pekerja

Tarikh: 6 April 1987

Masa: 2.15 ptg - 5.15 ptg

(3 Jam)

JAWAB EMPAT SOALAN SAHAJA.

1. Bincangkan sejarah perkembangan undang-undang perhubungan perusahaan di Malaysia. Apakah kesan-kesan dari segi ekonomi, politik dan sosial akibat dari perkembangan ini.
2. Bincangkan secara terperinci objektif-objektif asas mengapa ditubuhkan sesebuah Kesatuan Sekerja.
3. "Sesuai perjanjian bersama (collective agreement) hendaklah secara bertulis dan ditandatangani oleh pihak-pihak dalam perjanjian itu atau oleh orang-orang yang diberi kuasa bagi pihak tersebut."

Seksyen 14 (1) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967.

Bandingkan peruntukan di atas dari segi kebaikan dan keburukan dengan proses Arbitrasi Wajib (Compulsory Arbitration).

...2/-

4. Tau Kua telah berkhidmat dengan Syarikat Bee Hoon Sdn. Bhd., selama hampir 12 tahun. Oleh kerana Tau Kua telah berumur lebih daripada 60 tahun, ia selalu sahaja sakit, nyanyuk dan selalu tertidur semasa bekerja. Beliau seringkali tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik. Apabila pihak Pengurusan Syarikat Bee Hoon Sdn. Bhd. melihat keadaan Tau Kua yang mempunyai banyak masalah ini, mereka bercadang untuk memecat Tau Kua dari menjadi pekerja di Syarikat berkenaan. Atas nasihat dan dorongan kawan-kawannya, Tau Kua telah menyertai Pergerakan Kesatuan Sekerja Berani Mati di Syarikat tersebut. Apabila Tau Kua menyertai Kesatuan Sekerja ini, segala hak dan kedudukannya sebagai seorang pekerja dapat dijaga dengan sempurna. Tau Kua juga telah cuba bergerak aktif di dalam Kesatuan Sekerja berkenaan dan seringkali membuat kritikan yang pedas terhadap pihak Pengurusan. Ini menyebabkan Pengurus Besar Syarikat Bee Hoon Sdn. Bhd, Encik Hantam Singh telah naik marah dan tidak menyukainya. Beliau telah berkali-kali memberi amaran keras kepada Tau Kua dan kawan-kawannya supaya tidak mengkritik pihak Pengurusan. Namun begitu, amaran ini tidak diindahkan oleh Tau Kua dan kawan-kawannya. Oleh kerana terlalu geram melihat sikap Tau Kua yang selalu melawannya, Encik Hantam Singh telah memanggil Tau Kua untuk disoalselidik. Sepatah ditanya oleh Encik Hantam Singh, dua patah dijawab oleh Tau Kua. Ini menyebabkan Encik Hantam Singh naik berang. Oleh kerana terlalu marah, Encik Hantam Singh terus memukul Tau Kua hingga lebam-lebam. Empat batang gigi Tau Kua patah, dua tulang betis terseliuh dan satu bonjol besar telur ayam timbul di dahi Tau Kua. Kemudian Encik Hantam Singh terus memecat Tau Kua dari menjadi pekerja di Syarikat Bee Hoon Sdn. Bhd.

Tau Kua telah datang berjumpa anda sebagai peguamnya untuk mendakwa Encik Hantam Singh dan Syarikat Bee Hoon Sdn. Bhd di atas tindakan-tindakan mereka terhadapnya. Nasihatkan Tau Kua.

5. Bincangkan kaedah-kaedah yang biasa digunakan di dalam menyelesaikan sesuatu pertelingkahan perusahaan. Adakah kaedah-kaedah ini memadai?

...3/-

6. Nyatakan fungsi dan kedudukan Mahkamah Perusahaan di Malaysia sebagai sebuah institusi kehakiman di dalam menyelesaikan sesuatu pertelingkahan atau pertikaian perusahaan di negara ini.

*7
Anda telah dilantik sebagai seorang Perunding (Consultant) dalam Bahagian Perhubungan Perusahaan di Pertubuhan Buruh Sedunia (ILO).
Anda diminta untuk memberikan nasihat kepada pertubuhan ini mengenai bentuk undang-undang perhubungan perusahaan yang sedang berkuatkuasa di Malaysia pada masa ini. Berikan nasihat anda secara ringkas, tepat dan mudah difahami oleh ahli-ahli badan dunia berkenaan.*

Anda telah dilantik sebagai seorang Perunding (Consultant) dalam Bahagian Perhubungan Perusahaan di Pertubuhan Buruh Sedunia (ILO). Anda diminta untuk memberikan nasihat kepada pertubuhan ini mengenai bentuk undang-undang perhubungan perusahaan yang sedang berkuatkuasa di Malaysia pada masa ini. Berikan nasihat anda secara ringkas, tepat dan mudah difahami oleh ahli-ahli badan dunia berkenaan.

8. Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 merupakan "ibu" kepada undang-undang Perhubungan Perusahaan di Malaysia.

Bincangkan.

-ooo000ooo-

